

Tarikh:

Lembaran Pendedahan Produk

Insurans Semua Risiko Kontraktor

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Insurans Semua Risiko Kontraktor. Pastikan juga anda telah membaca termasuk terma dan syarat-syarat am.



NOTIS PENTING

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah produk ini?

Polisi ini direka untuk memenuhi keperluan insurans ditetapkan kepada kontraktor di bawah syarat kontrak. Polisi ini melindungi perjalanan kerja berkaitan dengan kontrak, kerja-kerja sementara, bahan-bahan, peralatan jentera yang digunakan ditapak binaan dan liability yang terbit semasa perlaksanaan kontrak tersebut.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Seksyen I - Kerosakan Material

- Ia melindungi hamper kesemua barang kepada sebarang kemungkinan kerugian fizikal atau kerosakan berkaitan (kecuali yang telah dinyatakan dalam pengecualian polisi) kepada kerja tersebut / harta benda / barang yang telah diinsurans, semasa tempoh insurans.

Seksyen II - Liabiliti Pihak Ketiga

- Seksyen ini mengambil kira liabiliti pihak ketiga yang mana secara tidak langsung sah dibayar akibat kerosakan tersebut di mana kami perlu bayar mengikut undang-undang pampasan akibat dari:
 - (i) Kecederaan dan kesakitan badan akibat kemalangan kepada pihak ketiga
 - (ii) Kehilangan atau kerosakan pada harta kepunyaan pihak ketiga.

Tempoh perlindungan adalah berpadanan dengan tempoh perjanjian yang mana dinyatakan di dalam Surat Penganugerahan.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada risiko pendedahan dan keperluan pengunderaitan pihak kami:

Anggaran Nilai Kontrak : RM _____

Kadar dikenakan : _____ %

Jumlah premium teranggar yang anda perlu bayar ialah : RM _____

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 15% daripada premium atau RM _____

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.
- Sebarang lanjutan tempoh kontrak akan dipertimbangkan tertakluk kepada pemberitahuan awal kepada pihak kami melalui pengisyiahkan dan menyerahkan dokumen tambahan.
- Anda mestilah memastikan jumlah yang anda diinsuranskan tercatit di dalam jadual tidak kurang dari
 - (a) Nilai penuh kontrak tersebut setelah siap sepenuhnya.
 - (b) Nilai penggantian daripada pembinaan, loji dan jentera (jika ada)
- Sekiranya jumlah diinsuranskan dinyatakan bagi harta anda adalah kurang daripada jumlah nilai sebenar yang telah diinsuranskan pada waktu kerugian berlaku (contohnya di bawah insurans), anda dianggap menanggung sendiri terhadap perbezaannya. Syarat purata akan diambil kira didalam kendalian tuntutan.
- Syarat sumbangan - sekiranya pada masa apa-apa tuntutan yang terbit di bawah polisi ini terdapat mana-mana insurans yang serupa terhadap kehilangan, kerosakan dan liabiliti, maka kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbangkan lebih banyak daripada kadar sepatutnya bahagian keadaan mana-mana tuntutan ke atas kerosakan atau liabiliti.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian seperti:

- Peperangan, Peperangan awam dan sebarang perlakuan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Perlakuan sengaja atau kecuaian sengaja
- Kehausan dan keusangan
- Kesilapan rekabentuk
- Kos penggantian, pembaikan atau pembetulan kerosakan bahan dan /atau hasil kerja
- Kerosakan mekanikal dan/atau elektrikal atau kerugian pembinaan loji dan jentera
- Akibat sebarang kerugian
- Kontraminasi resapan dan pencemaran

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Polisi ini tiada syarat pembatalan.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Semua Risiko Kontraktor atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.tokiomarine.com

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
Level 20, Menara Hap Seng 3,
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812
Email: letusknow@tokiomarine.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Am yang disediakan.

- Tiada

NOTA PENTING

Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus kami untuk keterangan lanjut.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.